

PENGUNAAN KATA SINGKATAN DALAM LAMAN *FACEBOOK* “KELAB DEKORASI IKEA MALAYSIA”

The Use of Abbreviations in the Facebook “IKEA’s Malaysia Decoration Club”

Lokman Hakim Abdullah¹, Azizah Ligaspi² & Nur Farahkhanna Mohd Rusli^{3*}

^{1, 2, 3} Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim,
Perak, Malaysia

¹lokman3259@gmail.com, ²D058074@siswa.upsi.edu.my, ³farahkhanna@fbk.upsi.edu.my*

*Penulis koresponden

Diterima: 30 Okt 2025; **Disemak semula:** 28 Nov 2025; **Diterima:** 10 Dis 2025; **Diterbitkan:** 26 Dis 2025

To cite this article (APA): Abdullah, L. H., Ligaspi, A., & Mohd Rusli, N. F. . (2025). Penggunaan Kata Singkatan dalam Laman Facebook “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia”. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(2), 74-86. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.7.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.7.2025>

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan menjelaskan penggunaan kata singkatan dalam laman *Facebook* “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia”. Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif dalam menganalisis data. Kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan dalam mengumpul data. Instrumen yang digunakan merupakan laman *Facebook* “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia”. Hasil kajian menunjukkan terdapat banyak kata singkatan yang digunakan dalam *Facebook* “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia” seperti *brp*, *hrge*, *mntk*, *tlg*, *diorg*, *dtg*, dan sebagainya. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan kata singkatan didorong oleh faktor pengetahuan yang lemah dalam bahasa, kebebasan di media sosial dan pengaruh media dan rakan sebaya. Selain itu, dapatan kajian mendapati bahawa kesan penggunaan bahasa singkatan ini adalah seperti mencemarkan martabatkan bahasa Melayu, menyebabkan kekeliruan bahasa dan menjejaskan prestasi akademik pelajar. Dari segi implikasi, kajian ini dapat mengetengahkan kepentingan menggunakan bahasa yang betul, tepat dan gramatis dalam usaha mengekalkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, selain mengelak kekeliruan berbahasa daripada berterusan pada masa hadapan.

Kata Kunci: kata singkatan, media sosial, laman muka buku, faktor; kesan

ABSTRACT

The aim of this study is to explain the use of abbreviations in the Facebook page named "IKEA Malaysia Decoration Club". This study is a survey study that uses qualitative methods in analyzing data. This study also uses the library method in collecting data. The instrument used is the Facebook page named "IKEA Malaysia Decoration Club". The result shows that there are many abbreviations used in "Kelab Dekorasi IKEA Malaysia" Facebook such as brp, hrge, mntk, tlg, diorg, dtg, and so on. The results also showed that the use of abbreviations was driven by factors such as poor knowledge in language, freedom on social media and the influence of the media and peers. In addition, the findings of the study found that the effect of the use of this abbreviations is like tarnishing the dignity of the Malay language, causing language confusion and affecting students' academic performance. In terms of implications, this study highlight the importance of using the correct, accurate and grammatical language in an effort to maintain the status of the Malay language as the national language, and avoiding linguistic confusion from continuing in the future.

Keywords: abbreviations, social media, Facebook, factors, effects

Pengenalan

Bahasa merupakan perlambangan bagi sesebuah ketamadunan sesuatu bangsa yang menjadi satu sistem simbol yang bermakna. Bahasa berfungsi sebagai alat komunikasi untuk menyampaikan konsep, pernyataan dan sebagai asas pembinaan segala aktiviti. Bahasa secara asasnya dapat dibezakan kepada dua variasi, iaitu bahasa lisan dan bahasa tulisan. Kedua-dua bentuk bahasa ini sering digunakan pada situasi formal mahupun tidak formal. Biasanya dalam kehidupan sehari-harian, manusia menggunakan bahasa untuk berkomunikasi dalam situasi yang tidak formal kerana sifatnya yang lebih komunikatif dan luwes berbanding situasi formal. Penggunaan bahasa untuk berkomunikasi memiliki keragaman sesuai dengan keinginan atau tujuan penutur untuk menyampaikan makna bahasa. Berdasarkan kemampuan berbahasa yang dimiliki, seseorang penutur seharusnya dapat menggunakan bahasa sesuai mengikut situasi dan mengelak daripada menggunakan ragam bahasa yang tidak tepat berdasarkan konteks tersebut.

Menurut Frindah Selawati Pandiangan dan Mimi Rosadi (2023), bahasa mempunyai peranan yang amat signifikan serta berfungsi sebagai medium komunikasi yang paling berkesan dalam kehidupan seharian. Kepentingan bahasa tidak dapat dipertikaikan kerana penggunaannya merentasi pelbagai bidang, termasuk ilmu pengetahuan, perundangan, perubatan, politik dan pendidikan, yang kesemuanya memerlukan bahasa sebagai wahana utama penyampaian maklumat dan pemikiran. Dalam tindak tutur ini, manusia dapat mengungkapkan idea, gagasan atau perasaan untuk memenuhi keperluan dengan bantuan berbahasa. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa fungsi utama bahasa ialah sebagai alat komunikasi antara manusia. Komunikasi ini perlulah berbentuk dua hala yang melibatkan penutur dan pendengar, atau penulis dan pembaca. Bahasa merupakan struktur yang kompleks tetapi masih boleh dianalisis dan diperlihat secara sistematik. Selain itu, bahasa juga mengandungi struktur ayat yang berbeza-beza untuk menyampaikan makna dan terdiri daripada variasi bentuk, susunan perkataan, struktur sintaksis dan intonasi ujaran.

Selaras dengan peredaran zaman, bahasa sebagai medium komunikasi utama dalam masyarakat tidak terlepas daripada kesan transformatif perkembangan pesat media sosial. Media sosial ialah teknologi yang berasaskan komputer yang membantu memudahkan kerja-kerja manusia untuk berkongsi idea, pemikiran dan maklumat melalui pembinaan rangkaian maya dalam komuniti tanpa mengira jarak tempat dan masa (Zaitul Azma Zainon Hamzah et al., 2019). Kini, perkembangan teknologi maklumat di peringkat global telah mewarnai perkembangan komunikasi di Malaysia dan memberikan pelbagai pilihan media kepada khalayak (Wan Amizah Wan Mahmud dan Muhammad Adnan Pitchan, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana kemunculan era digital telah membawa perubahan signifikan dalam cara pandang atau komunikasi manusia berinteraksi dan membangun hubungan sosial. Teknologi informasi dan komunikasi yang berkembang pesat telah mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan sosial masyarakat bermula daripada cara berkomunikasi, bekerja, hinggalah cara masyarakat berinteraksi dalam kehidupan sehari-hari (Yusriman, 2025).

Sebagai contoh, penggunaan laman media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Youtube*, *Twitter*, dan *WhatsApp* dilihat menjadi salah satu saluran interaksi yang berkesan dalam kalangan komuniti dalam talian di internet (*netizen*). Medium ini membolehkan masyarakat berkomunikasi secara maya dalam rangkaian yang lebih luas, melewati batas waktu dan jarak fizikal, malah membentuk kelompok pengguna dalam komuniti tertentu yang berasaskan persamaan minat mahupun latar belakang. Keadaan ini menyebabkan trend penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia akan terus meningkat saban tahun. Oleh sebab manusia berkomunikasi menggunakan bahasa, maka kewujudan variasi penggunaan bahasa juga turut berlaku. Dari satu aspek, komunikasi tanpa sempadan boleh membantu dalam pertambahan kosa kata baharu yang sejajar dengan bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) itu sendiri, khususnya istilah-istilah yang digunakan dalam media sosial seperti ‘swafoto (*selfie*)’, ‘swafoto bersama’ (*wefie*), ‘tuna foto’ (*photobomb*), ‘sohor kini’ (*trending*), ‘tular’ (*viral*) dan lain-lain.

Dari suatu aspek yang lain pula, kerencaman proses asimilasi yang berlaku terhadap bahasa turut menjejaskan nahu bahasa itu sendiri, misalnya masalah ejaan, masalah binaan ayat yang gramatis, masalah penggunaan istilah yang sewajarnya mengikut bidang, bahkan masalah dari segi penggunaan kata, frasa dan ayat yang tidak tepat seperti penggunaan bahasa singkatan.

Bahasa singkatan yang digunakan oleh pengguna media sosial ketika berkomunikasi dalam media kadang kala dilakukan secara sesuka hati, mengikut kehendak atau kemahuan pengguna khususnya dalam kalangan generasi muda. Menurut M. S. Nik Puteri Fatin Nor'ain dan Maslida Yusof (2024), fenomena penggunaan bahasa singkatan yang digunakan kini perlu dikaji memandangkan sifat bahasa yang berevolusi sejajar dengan perkembangan semasa. Tambahnya, penggunaan bahasa singkatan yang digunakan kini perlu diketengahkan bagi menggambarkan realiti penggunaan bahasa singkatan masa kini, terutamanya dalam konteks generasi Z atau iGeneration. Perbincangan tentang kata singkatan perlu dilakukan kerana fenomena ini mencerminkan perubahan dan dinamika penggunaan bahasa dalam komunikasi digital, khususnya di media sosial seperti Facebook. Kajian ini penting untuk mengenal pasti bentuk, fungsi dan pola penggunaan kata singkatan dalam interaksi komuniti maya. Selain itu, generasi Z yang merupakan pengguna aktif media sosial cenderung menggunakan kata singkatan bagi mempercepat komunikasi, mengekspresikan identiti kelompok serta menyesuaikan bahasa dengan konteks tidak formal. Justeru, penyelidikan ini dapat menjelaskan pengaruh generasi Z terhadap variasi bahasa Melayu serta implikasinya terhadap kefahaman mesej dan perkembangan bahasa dalam era digital.

PERNYATAAN MASALAH

Fenomena penggunaan kata singkatan dalam penulisan digital, khususnya dalam media sosial seperti Facebook, telah menjadi amalan meluas dalam kalangan pengguna masa kini, namun masih kurang diberi perhatian secara ilmiah oleh para sarjana bahasa Melayu. Dalam konteks komunikasi dalam talian, kata singkatan termasuk singkatan gelaran, sapaan dan variasi bentuk singkat lain, sering digunakan untuk mempercepatkan penulisan dan menyesuaikan diri dengan ruang karakter yang terhad serta gaya tidak formal pengguna media sosial. Namun, penggunaan ini mempunyai risiko untuk mencemarkan sistem dan struktur bahasa Melayu standard serta melemahkan kefahaman tatabahasa formal dan keaslian bahasa kerana gaya penulisan digital menyokong bentuk ringkas dan tidak teratur yang sering dipilih demi efisiensi dan ekspresi peribadi. Menurut Tay Meng Guat (2011), penggunaan bahasa yang tidak teratur dan bahasa yang ringkas boleh melanggar kemurnian dan keaslian bahasa Melayu.

Perubahan padanan ejaan, penggunaan kod campuran antara Melayu dan Inggeris serta singkatan seperti “tq” (terima kasih), “sy” (saya) dan lain-lain menunjukkan kecenderungan generasi *Gen Z* dalam menyederhanakan bentuk bahasa yang boleh memberi kesan negatif terhadap penguasaan bahasa Melayu yang betul. Selain itu, terdapat juga penggantian huruf dengan nombor sebagai contoh “pas2” untuk “selepas itu”. Perkara ini juga digunakan dalam bahasa lain seperti bahasa Inggeris contohnya “top4” untuk “*top up*”. Sikap pengguna yang suka mengambil mudah tentang perkara ini juga menjadi salah satu sebab kata singkatan dalam media sosial kerap digunakan. Kajian semasa menunjukkan bahawa generasi ini secara aktif mencipta dan menggunakan singkatan serta akronim dalam komunikasi digital yang mencerminkan kreativiti serta identiti sosial mereka, tetapi juga berpotensi melemahkan tahap kebolehan bahasa formal mereka dalam konteks tulisan yang lebih rasmi.

Menurut Nur Azlina Jalaluddin dan Nurhasyinda Shahidan (2017), pencemaran bahasa dalam kalangan remaja telah menyebabkan berlakunya kerancuan bahasa. Kerancuan bahasa meliputi kecelaruan, kekacauan, pencemaran, kesalahan dan kesilapan yang mengacu kepada bahasa memberikan maksud yang sama (Rozali Rejab, 2012). Kerancuan bahasa atau bahasa yang tidak teratur semestinya akan memberikan kesan yang buruk kepada masa depan bahasa Melayu.

Sehubungan itu, adalah penting bagi kajian ini meneliti dengan jelas fenomena kata singkatan di Facebook “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia” sebagai satu bentuk representasi penggunaan bahasa dalam kumpulan komuniti maya, supaya faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan singkatan, implikasinya terhadap struktur dan kefahaman bahasa serta hubungan generasi Z dengan martabat bahasa kebangsaan dapat dijelaskan secara komprehensif dalam kajian linguistik kontemporari. Kajian bahasa seperti ini membantu mengisi jurang penyelidikan linguistik digital dalam konteks tempatan yang masih kurang dibincangkan secara mendalam oleh penyelidik bahasa Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN:

Makalah ini diketengahkan untuk menjawab tiga objektif kajian yang berikut:

- i. Menenal pasti penggunaan kata singkatan dalam laman *Facebook* “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia”.
- ii. Menjelaskan faktor penggunaan bahasa singkatan.
- iii. Menghuraikan kesan penggunaan bahasa singkatan.

SOROTAN LITERATUR

Nor Azida Sabri et al. (2020) dalam kajiannya bertajuk *The Usage of English Internet Slang among Malaysians in Social Media* menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif terhadap data teks media sosial rakyat Malaysia. Kajian ini meneliti bentuk dan fungsi singkatan serta slang digital dalam interaksi tidak formal yang digunakan dalam media sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengguna kerap menggunakan kata singkatan seperti “*tq*” (thank you), “*btw*” (by the way) dan “*u*” (you) bagi menjimatkan masa dan memudahkan komunikasi. Kajian ini membuktikan bahawa singkatan menjadi norma dalam penulisan media sosial. Hubung kait kajian ini dengan penyelidikan semasa adalah jelas kerana penggunaan singkatan yang sama juga berpotensi digunakan dalam laman Facebook “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia”, khususnya dalam komen dan perbincangan komuniti yang bersifat santai.

Soo Ruey Shing (2025) melalui kajiannya yang bertajuk *Textism in Digital Communication: Usage of Internet Slang in Social Media Among Bilingual Malaysian Youths* menggunakan analisis kualitatif dalam menganalisis p perbualan pengguna media sosial dalam kalangan belia bilingual Malaysia. Kajian ini mengenal pasti beberapa kategori *textism* yang digunakan oleh pengguna, termasuklah singkatan, penguguran huruf dan penggunaan ejaan yang tidak standard. Antara contoh data yang ditemui ialah “*sy*” bagi “saya”, “*x*” bagi “tidak” dan “*gud*” bagi “good”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan singkatan ini mencerminkan kreativiti linguistik serta identiti sosial pengguna muda. Sungguhpun demikian, kreativiti linguistik ini dikhuatiri boleh menjejaskan keaslian dan ketulenan bahasa Melayu itu sendiri. Kajian ini berkait rapat dengan penyelidikan ini kerana komuniti Facebook “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia” turut melibatkan pengguna bilingual yang berkemungkinan mengaplikasikan bentuk singkatan yang sama dalam perbincangan berkaitan hiasan rumah.

Seterusnya, M. S. Nik Puteri Fatin Nor’ain dan Maslida Yusof (2024) dalam kajian yang bertajuk *Bahasa Singkatan dalam Komunikasi di Media Sosial dalam Kalangan Generasi Z* telah menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif untuk menganalisis penggunaan bahasa singkatan oleh generasi Z di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa generasi Z cenderung menggunakan singkatan seperti “*nk*” (nak), “*brg*” (barang), “*cth*” (contoh) dan “*idk*” (I don’t know) dalam interaksi media sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan singkatan ini bukan sahaja berfungsi untuk pemendekan, malah mencerminkan gaya komunikasi generasi muda yang pantas dan tidak formal. Hubung kait kajian ini dengan penyelidikan semasa ialah pengguna aktif Facebook “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia” juga berkemungkinan terdiri daripada generasi Z yang mempraktikkan bentuk bahasa singkatan yang sama dalam perbincangan komuniti.

Akhir sekali, Abdul Rasid Jamian dan Siti Nur Aisyah Hassan (2021) dalam kajian bertajuk *Kerancuan Bahasa Melayu dalam Media Sosial: Analisis Linguistik terhadap Penulisan Pengguna Facebook* menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif terhadap status dan komen Facebook pengguna Malaysia. Kajian ini meneliti bentuk kerancuan bahasa yang merangkumi penggunaan kata singkatan, ejaan tidak baku dan pengguguran huruf. Antara contoh data yang dikenal pasti ialah “*sy dh beli brg ni*” (saya sudah beli barang ini), “*cntik sgt*” (cantik sangat) dan “*blh share link x*” (boleh kongsi pautan atau tidak). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kata singkatan digunakan secara meluas kerana faktor kelajuan menaip dan kebiasaan komuniti, namun berpotensi menjejaskan penguasaan bahasa Melayu standard. Kajian ini berkait secara langsung dengan penyelidikan semasa kerana komuniti Facebook “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia” juga menggunakan medium dan bentuk interaksi yang sama, sekali gus membolehkan kajian ini dijadikan rujukan penting dalam mengenal pasti bentuk dan kesan penggunaan kata singkatan dalam komuniti maya berfokus.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan suatu bentuk kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis data. Kajian kualitatif dilakukan untuk menganalisis fonemona, peristiwa, aktiviti sosial, persepsi, pemikiran seseorang mahupun kelompok. Kajian kualitatif lebih menekankan kepada proses, dan kandungan analisis tidak diuji atau diukur dari segi kuantiti (Kalbin Salim, 2018). Dalam kajian ini, kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis faktor dan kesan penggunaan bahasa singkatan secara deskriptif tanpa melibatkan data kuantitatif. Kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan dalam mengumpul data. Kaedah kepustakaan dilakukan dengan merujuk sumber seperti tesis, latihan ilmiah, laporan, buku akademik dan jurnal yang berkaitan dengan skop kajian. Melalui kaedah ini, kelompondan kajian lepas tentang isu yang dikaji untuk membina pernyataan masalah dan persoalan kajian dapat dilakukan. Instrumen kajian pula melibatkan laman *Facebook* Kelab Dekorasi IKEA Malaysia. Penganalisan data dilakukan dengan mengenal pasti penggunaan bahasa singkatan di laman *Facebook* tersebut. Data yang diperoleh kemudiannya akan dikemukakan dalam bentuk jadual bagi menunjukkan situasi penggunaan bahasa singkatan dalam medium tersebut. Analisis seterusnya akan menjelaskan faktor dan kesan penggunaan bahasa singkatan dan akhir sekali, kesimpulan, cadangan dan implikasi akan dilakukan bagi merumuskan hasil dapatan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan bagi tiga objektif yang dinyatakan sebelum ini, iaitu (i) penggunaan kata singkatan dalam laman *Facebook* “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia, (ii) faktor penggunaan bahasa singkatan, (iii) dan kesan penggunaan bahasa singkatan. Setiap perbincangan akan dijelaskan satu persatu mengikut subtopik bagi memudahkan pemahaman terhadap topik yang dibincangkan.

i) Penggunaan Kata Singkatan dalam Laman *Facebook* “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia”

Kata Singkatan dalam laman *Facebook* “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia”

Bentuk Kata Singkatan	Contoh	Padanan
Pengguguran vokal	<i>sy, cntk, plk, yg</i>	saya, cantik, pula, yang
Pengguguran konsonan	<i>bole</i>	boleh
Pengguguran vokal dan konsonan	<i>gak, sdri, utk, tgg, nt</i>	juga, sendiri, untuk, tengok, nanti
Pengguguran suku kata	<i>tak, dah, leh, askum</i>	tidak, sudah, boleh, assalamualaikum
Penggunaan huruf	<i>n, d, 2</i>	dan, di, dua

bersambung

Penggunaan angka	<i>pas2, sama2</i>	selepas itu, sama-sama
Penggunaan simbol	<i>x, &, @</i>	tidak, dan, atau
Penggunaan huruf awal	<i>KLIM</i>	Kelab dekorasi IKEA Malaysia
Penggantian bahasa Inggeris	<i>DIY, pm, tq, 4</i>	<i>do it yourself, private massage, thank you</i>

Jadual 1. Kata singkatan dalam Facebook “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia

Berdasarkan data, bentuk singkatan yang paling dominan ialah pengguguran huruf vokal dalam sesuatu perkataan. Dalam bentuk ini, pengguna mengekalkan huruf konsonan utama bagi menjimatkan ruang dan mempercepat proses menaip, tanpa menjejaskan kefahaman makna. Contohnya, perkataan “yang” disingkatkan menjadi “yg”, “dengan” menjadi “dgn”, dan “boleh” menjadi “blh”. Walaupun berlaku pengguguran vokal, makna perkataan masih dapat dikenal pasti melalui konteks ayat. Fenomena ini menunjukkan bahawa pengguna mengutamakan kecekapan komunikasi berbanding pematuhan kepada bentuk ejaan baku. Dari sudut linguistik, pengguguran vokal ini menandakan penyesuaian sistem tulisan kepada keperluan komunikasi pantas dalam media sosial, selari dengan ciri bahasa siber yang bersifat ringkas dan ekonomi.

Selain pengguguran vokal, data juga menunjukkan penggunaan pemendekan perkataan dengan hanya mengekalkan sebahagian daripada bentuk asal. Contohnya, perkataan “terima kasih” dipendekkan menjadi “tq”, “info” digunakan sebagai bentuk ringkas bagi “maklumat”, manakala “admin” menggantikan “pentadbir”. Bentuk pemendekan ini lazim digunakan dalam komunikasi digital dan telah menjadi konvensi tidak rasmi dalam kalangan pengguna Facebook. Penggunaan bentuk ini mencerminkan pengaruh bahasa Inggeris serta kecenderungan pengguna untuk memilih bentuk yang lebih ringkas dan mudah ditaip. Dari perspektif kritis, pemendekan perkataan ini menunjukkan proses peminjaman dan penyesuaian leksikal yang berlaku secara aktif dalam persekitaran media sosial.

Data kajian turut memperlihatkan penggunaan simbol atau huruf tunggal sebagai pengganti kepada perkataan tertentu. Contohnya, simbol “x” digunakan untuk menggantikan perkataan “tidak”, manakala angka “u” atau “ur” digunakan untuk merujuk kepada “awak” atau “anda”. Bentuk singkatan ini bersifat fonetik dan bergantung sepenuhnya pada kefahaman konteks oleh pembaca. Penggunaan simbol dan huruf tunggal ini menunjukkan kreativiti pengguna dalam memanipulasi sistem tulisan bagi mencapai komunikasi yang lebih pantas. Namun, dari sudut kebahasaan, bentuk ini jelas menyimpang daripada norma bahasa Melayu standard dan berpotensi menimbulkan kekeliruan sekiranya digunakan di luar konteks media sosial.

Kajian ini juga mendapati bahawa bahasa singkatan yang digunakan sering melibatkan percampuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Contohnya, ayat seperti “Design ni cantik & affordable” atau penggunaan singkatan “btw”, “pm” dan “dm” dalam ayat berbahasa Melayu. Percampuran ini bukan sahaja melibatkan kosa kata penuh, malah turut merangkumi bentuk singkatan bahasa Inggeris. Fenomena ini menunjukkan pengaruh kuat globalisasi dan dominasi bahasa Inggeris dalam komunikasi digital. Dari sudut kritis, percampuran bahasa dalam bentuk singkatan ini memperlihatkan peralihan domain penggunaan bahasa Melayu, khususnya dalam ruang komunikasi tidak formal, yang akhirnya boleh menjejaskan keutuhan sistem bahasa tersebut.

Sebahagian singkatan yang dikenal pasti berpotensi berfungsi sebagai kata baharu kerana digunakan secara konsisten dan difahami secara kolektif oleh pengguna. Singkatan seperti “tq”, “pm” dan “blh” tidak lagi ditafsirkan sebagai bentuk singkatan semata-mata, sebaliknya diterima sebagai unit leksikal yang berdiri sendiri dalam komunikasi media sosial. Keadaan ini menyokong pandangan bahawa bahasa sentiasa bersifat dinamik dan berkembang mengikut keperluan penuturnya. Namun begitu, kajian ini menunjukkan bahawa pembentukan kata baharu melalui singkatan berlaku tanpa kawalan linguistik, sekali gus menimbulkan cabaran terhadap usaha pengekalan bahasa Melayu standard dalam konteks formal.

Contoh Penggunaan Kata Singkatan dalam Facebook “Kelab Dekorasi Ikea Malaysia”

Singkatan Kata	Transkrip
sis Anis Mimi Zoolkafli, <i>brp hrga</i> meja <i>ni</i> ?	Cik Anis Mimi Zoolkafli, berapa harga meja ini?
sis, means sinki kita beli asing, <i>n</i> bila <i>nak</i> pasang <i>mntk tlg</i> orang ikea <i>tu</i> tebuk ikut sinki yang kita beli <i>ya</i> ?	Cik, bermakna sinki kita beli asing, dan bila hendak pasang mintak tolong orang IKEA itu untuk tebuk mengikut sinki yang kita beli, begitu?
kalau minta <i>diorg dtg ukur rsanya ad charges</i> dia puan.. <i>ad service</i> ikea <i>bg</i> ..rm65 semeter cas <i>utk</i> ukur.. <i>mgkn</i> dalam 200 <i>sja utk dtg</i> ukur	Kalau ingin mereka datang ukur rasanya ada cas bayaran puan...ada perkhidmatan IKEA sediakan RM 65 semeter cas untuk mengukur...mungkin dalam RM 200 sahaja untuk mereka datang mengukur.
cantik <i>tgok</i> orang pakai sofa <i>creme</i> putih.. <i>ko jgn brangan</i> pidah.. <i>bla anak2</i> tetamu tumpahkan air manis, lauk pauk... <i>ko standby</i> telan air liur <i>aaa</i> pidah...	Cantik tengok orang pakai sofa berwarna putih krim.. kau jangan berangan Pidah..bila anak-anak tetamu menumpahkan air manis dan lauk pauk di sofa.. kau bersiap sedia telan air liur ya Pidah...
<i>hr tu</i> baru kena pencil <i>colour</i> , <i>ko dh</i> meroyan	Hari itu baru kena pencil warna kau sudah meroyan.

Jadual 2. Contoh penggunaan kata singkatan dalam Facebook “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia”
(Sumber : Facebook “Kelab Dekorasi IKEA Malaysia <https://www.facebook.com/groups/IKEAdeko/?ref=share>)

Pengguguran huruf vokal merupakan bentuk singkatan yang paling ketara dalam data. Dalam bentuk ini, huruf vokal digugurkan manakala rangka konsonan utama dikekalkan bagi membolehkan perkataan tersebut masih dapat dikenal pasti melalui konteks ayat. Contohnya, perkataan “*berapa*” disingkatkan menjadi “*brp*”, “*harga*” menjadi “*hrga*”, “*hari*” menjadi “*hr*”, dan “*sudah*” menjadi “*dh*”. Penggunaan bentuk ini menunjukkan bahawa pengguna mengutamakan kecekapan dan kepantasan menaip, namun masih mengekalkan kebolehfahaman mesej. Dari sudut linguistik, pengguguran vokal ini menandakan penyesuaian sistem ejaan bahasa Melayu dalam konteks komunikasi digital yang pantas dan bersifat santai.

Selain pengguguran vokal, data turut memperlihatkan pengguguran suku kata tertentu dalam perkataan. Contohnya, perkataan “*mintak*” ditulis sebagai “*mntk*”, “*mengikut*” menjadi “*ikut*” (tanpa awalan), dan “*berangan*” ditulis sebagai “*brangan*”. Pengguguran suku kata ini lazimnya melibatkan penghilangan awalan atau bahagian tengah perkataan. Hal ini menunjukkan bahawa pengguna tidak mementingkan struktur morfologi yang lengkap, sebaliknya mengekalkan unsur makna teras bagi memastikan mesej dapat disampaikan dengan cepat dan berkesan.

Bentuk pemendekan perkataan juga dikenal pasti dalam data, iaitu apabila sebahagian daripada perkataan asal dikekalkan sebagai representasi keseluruhan makna. Contohnya, perkataan “*tengok*” dipendekkan menjadi “*tgok*”, “*datang*” menjadi “*dtg*”, dan “*mungkin*” menjadi “*mgkn*”. Pemendekan ini bukan sahaja menjimatkan ruang penulisan, malah mencerminkan kebiasaan pengguna media sosial yang telah menginternalisasikan bentuk-bentuk singkatan tertentu sebagai norma komunikasi tidak rasmi.

Percampuran bahasa turut dikenal pasti dalam data, khususnya antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Contohnya, penggunaan frasa “*ad charges*”, “*service IKEA*” dan “*standby*” yang digabungkan dengan struktur ayat bahasa Melayu. Percampuran ini bukan sahaja melibatkan perkataan penuh, malah turut merangkumi bentuk singkatan seperti “*ad*” (ada) yang ditulis menyerupai ejaan bahasa Inggeris. Fenomena ini memperlihatkan pengaruh kuat bahasa Inggeris dalam wacana media sosial, khususnya dalam konteks perbincangan berkaitan perkhidmatan dan komersial. Dari sudut kritis, percampuran bahasa ini mencerminkan peralihan domain penggunaan bahasa Melayu dalam ruang digital.

Sebahagian singkatan dalam data turut meniru sebutan lisan secara fonetik, contohnya “ko” bagi “kau”, “sja” bagi “sahaja” dan “rsanya” bagi “rasanya”. Bentuk ini menunjukkan bahawa penulisan media sosial semakin menghampiri ciri bahasa lisan, sekali gus mengaburkan sempadan antara ragam lisan dan ragam tulisan. Fenomena ini menegaskan bahawa bahasa media sosial bersifat hibrid, iaitu menggabungkan ciri tulisan dan lisan dalam satu medium komunikasi.

ii) Faktor Penggunaan Kata Singkatan

Terdapat tiga faktor yang akan diuraikan dalam bab ini berkaitan dengan punca penggunaan kata singkatan, iaitu (i) pengetahuan bahasa yang lemah, (ii) kebebasan dalam media sosial dan (iii) pengaruh media dan rakan sebaya:

Pengetahuan Bahasa yang Lemah

Bahasa Melayu sudah lama digunakan oleh rakyat Malaysia memandangkan bahasa ini merupakan bahasa rasmi negara. Walaupun begitu, tahap penguasaan terhadap bahasa ini sering diperdebat dan menjadi isu dalam pelbagai perkara. Menurut Chew Fong Peng (2016) penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda masih berada pada tahap yang kurang memuaskan terutama bagi mereka yang bukan penutur jati bahasa Melayu. Perkara ini yang menjadi punca kepada berlakunya kerancuan dalam sesuatu bahasa seperti wujudnya penggunaan kata singkatan. Pengetahuan mengenai bahasa Melayu telah didedahkan pada peringkat awal seperti di sekolah rendah. Tambah Chew Fong Peng (2016), bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara sama ada di sekolah rendah atau di sekolah menengah. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu diguna pakai dalam sistem pendidikan sejak peringkat awal lagi. Perkara ini sepatutnya tidak menjadi satu masalah kepada penutur untuk menggunakan bahasa yang betul dan tepat ketika berkomunikasi.

Pengetahuan mengenai tata bahasa dan struktur kata yang lemah menyebabkan sesetengah masyarakat mengambil jalan mudah dengan memendekkan kata dan mewujudkan kata singkatan. Nur Azlina Jalaluddin dan Nurhasyinda Shahidan (2017) mengatakan bahawa sesetengah golongan muda menganggap penggunaan bahasa yang mereka gunakan adalah tepat, namun pada dasarnya, bahasa tersebut melanggar prinsip bahasa dan tidak membawa erti. Selain itu, pengetahuan bahasa yang lemah juga akan menyebabkan berlaku kesalahan berbahasa. Perkara ini berkait rapat juga dengan penggunaan kata singkatan dalam media sosial. Dalam kajian Nurul Ain Alizuddin dan Nik Nur Athirah (2021), beliau menyatakan kesalahan bahasa berlaku disebabkan penukaran atau kehilangan sebahagian ujaran seperti morfem, perkataan dan rangkaian kata. Hal ini bertepatan dengan konsep kata singkatan yang menggugurkan beberapa bahagian daripada perkataan asal. Tambahnya, kesalahan ini berlaku akibat kurang pengetahuan dan kegagalan mengaplikasikan penggunaan bahasa dengan tepat. Oleh itu, tidak hairanlah apabila ramai daripada anggota masyarakat menggunakan kata singkatan ini sehingga menjejaskan penggunaan bahasa Melayu yang tepat.

Kebebasan dalam Media Sosial

Sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malaysia semestinya memberikan kebebasan bersuara dan kebebasan memberikan pendapat kepada rakyatnya. Konsep kebebasan bersuara ini diperuntukkan di bawah perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Namun konsep kebebasan bersuara ini disalah tafsir oleh sesetengah individu yang menganggap mereka bebas untuk meluahkan apa sahaja dalam pelbagai cara walaupun dengan cara yang salah. Begitu juga dengan penggunaan kata singkatan kerana penulis bebas menulis apa sahaja dalam bentuk yang diinginkan. Hal ini disokong oleh kenyataan Norazleen Mohd Nor et al. (2011) yang menyatakan bahawa perubahan yang ditunjukkan dalam media pada hari ini menunjukkan peranan yang dimainkan oleh media baharu yang boleh memberikan kesan terhadap masyarakat bahkan kepada bahasa itu sendiri.

Dunia kini lebih memilih untuk mengguna media sosial bagi menyuarakan pendapat dan membincangkan tentang sesuatu perkara serta untuk berinteraksi antara satu sama lain. Fatimah Akmal dan Ali Salman (2015) berpendapat perkara ini berlaku selaras dengan perkembangan pesat proses komunikasi global yang telah membentuk masyarakat dalam cara baharu untuk berkomunikasi dan menerima proses komunikasi yang berbeza khususnya yang melibatkan penggunaan media sosial. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Melayu tetap harus dijaga walaupun pengguna bebas menyuarakan pendapat dalam aplikasi media sosial ini. Menurut Ainal Akmar Ahmad et al. (2016), kewujudan pelbagai saluran komunikasi telah menyebabkan masyarakat bebas bersuara tanpa memikirkan etika dan kesantunan berbahasa. Perkara seperti ini sedikit sebanyak boleh menjejaskan kredibiliti bahasa Melayu. Oleh itu, masyarakat perlu menggunakan kebebasan bersuara termasuk di media sosial dengan cara yang betul tanpa mengabaikan penggunaan bahasa yang tepat.

Pengaruh Media dan Rakan Sebaya

Penggunaan media massa dan media sosial sebagai alat komunikasi dan perhubungan telah mendatangkan impak yang positif dan negatif. Pengguna yang menjadikan media ini sebagai alat perhubungan seolah-olah mengabaikan kesan terhadap kecelaruan bahasa yang digunakan. Dalam kajian Zaidi Ismail (2012), media baharu lebih bersifat peribadi dan penggunaannya sendiri yang akan menentukan bahasa dan kualiti bahasa yang digunakan dalam media tersebut. Hal ini menunjukkan pengguna berhak menentukan penggunaan bahasa mereka sendiri hingga menyebabkan bahasa Melayu dimodenkan dan akhirnya mewujudkan kata singkatan dan sebagainya. Nik Lah et al. (2019) berpendapat golongan remaja lebih mementingkan isi mesej dan kepantasan menghantar mesej berbanding penggunaan bahasa yang betul dari segi ejaan, tatabahasa, struktur ayat, gaya bahasa dan sebagainya. Tambahnya, keadaan ini diburukkan dengan pertambahan penggunaan kata singkatan atau akronim dalam penulisan di media sosial. Hal ini jelas menunjukkan penggunaan bahasa di media sosial telah dimodenkan daripada yang sepatutnya dan ia berpunca daripada pengguna itu sendiri. Pertambahan penggunaan bahasa seperti singkatan ini juga menyebabkan pengguna terikut-ikut dan menjadi trend dalam penulisan di media sosial. Mereka dianggap ketinggalan zaman jika menulis dengan cara yang betul kerana majoriti pengguna menggunakan bahasa moden seperti bahasa singkatan dalam penulisan harian mereka di media sosial.

Selain itu, rakan sebaya yang turut menggunakan media sosial turut memberikan pengaruh terhadap penggunaan bahasa singkatan. Menurut Fazren Amat Pandi (2011), rakan sebaya mempengaruhi penggunaan bahasa moden dan bahasa singkatan. Dalam kajian Wan Muna Ruzanna (2017), beliau mendapati bahawa faktor sosial seperti rakan sebaya telah menyumbang kepada kesan buruk penggunaan bahasa dalam kalangan remaja. Kesan ini termasuklah dari segi cara mereka untuk memahami, mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan baik. Berdasarkan kajian tersebut, jelas menunjukkan rakan sebaya memainkan peranan yang penting terhadap perkembangan seseorang individu termasuk tinglah laku, amalan sosial dan juga bahasa yang digunakan. Sekiranya rakan-rakan menggunakan bahasa yang betul dan baik, sudah semestinya ia akan menjadi ikutan kepada rakan-rakan yang lain dan masalah penggunaan kata singkatan ini dapat dikurangkan. Namun, jika keadaan sebaliknya berlaku, maka masalah terikut-ikut penggunaan bahasa yang dianggap kreatif walaupun menyalahi nahu bahasa akan terus diamalkan.

iii) Kesan Penggunaan Kata Singkatan

Terdapat tiga kesan yang akan diuraikan dalam bab ini berkaitan dengan implikasi penggunaan kata singkatan, iaitu (i) mencemarkan martabat bahasa melayu, (ii) kekeliruan bahasa dan (iii) menjejaskan pencapaian akademik pelajar:

Mencemarkan Martabat Bahasa Melayu

Singkatan perkataan dalam berkomunikasi memberikan kesan terhadap martabat bahasa Melayu baku sebagai bahasa kebangsaan. Semua ini bermula dengan tanggapan bahawa selagi pembaca memahami maksud perkataan yang ingin disampaikan, maka sebarang pematuhan terhadap penggunaan bahasa

yang sepatutnya tidak akan dititikberatkan. Menurut Peyona Mokhtar (2025), media sosial telah menyumbang kepada kemerosotan bahasa Melayu yang baku apabila pengguna lebih cenderung menggunakan bentuk bahasa yang tidak gramatis, bahasa rojak atau singkatan yang menjejaskan struktur dan ketepatan bahasa Melayu. Fenomena ini akan menyebabkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan tergugat kerana menerima pelbagai bahasa yang rencam dalam sistem bahasa tersebut yang kadang kala ada yang tidak memenuhi aturan kebahasaan yang betul. Akibatnya, penutur tidak dapat berkomunikasi dengan baik kerana kekeliruan dalam menggunakan bahasa Melayu yang betul.

Bahasa melambangkan bangsa. Jika rosak sesebuah bahasa, maka akan rosaklah bangsa tersebut. Akhirnya, identiti bangsa akan hilang. Oleh itu, penutur perlu cakna ketika menggunakan bahasa di laman sosial. Malangnya, pencemaran dan penghakisian bahasa Melayu giat berlaku terutama dalam kalangan generasi remaja dan belia. Chong Seck Chim (2004) mendapati bahawa ramai generasi muda menunjukkan keghairahan untuk menjadi ‘pakar’ dalam mengubah perkataan dan frasa kononnya untuk menjimatkan masa dan wang apabila mereka bergosip sesama rakan. Senario ini berlaku kerana perkataan yang disingkatkan menjimatkan masa, mudah dan praktikal untuk digunakan dalam situasi perbualan maya yang tidak formal. Namun, situasi ini dilihat telah mempengaruhi perbualan dalam situasi formal apabila penutur turut menggunakan bahasa singkatan ketika berkomunikasi. Kesannya, penggunaan bahasa yang melanggar peraturan kebahasaan akan menghakis kemurnian bahasa sehingga mengganggu perkembangan dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dihormati. Percampuran ragam bahasa basahan seperti bahasa singkatan sebagai bahasa sembang di internet dengan bahasa yang baku dalam situasi rasmi menjadikan bahasa Melayu kehilangan darjat dan citra sebagai bahasa budaya tinggi.

Kekeliruan Bahasa

Pengaruh modenisasi yang pesat dan tidak terkawal tanpa sebarang pemantauan akan memberi kesan negatif terhadap perkembangan bahasa Melayu dan menimbulkan kekeliruan berbahasa dalam kalangan penutur terutama generasi muda. Hal ini demikian kerana, generasi muda yang berada dalam lingkungan individu yang lahir pada tahun 1996 sehingga 2007 telah didedahkan dengan alat-alat elektronik. Jadi, tidak hairanlah sekiranya medium untuk berkomunikasi oleh golongan ini lebih bertumpu kepada gajet elektronik digital seperti komputer riba, telefon pintar dan *Ipad* berbanding generasi sebelumnya bergantung kepada kaedah surat-menyurat dan komunikasi konvensional secara bersemuka. Perkataan singkatan yang digunakan secara meluas oleh pengguna media sosial seperti laman *Facebook* majoriti ialah perkataan yang sedang menjadi *trending* sehingga sebahagian daripadanya tidak tersenarai di dalam kamus. Sesetengah perkataan tidak difahami oleh orang tertentu sehingga akan menghasilkan makna yang sukar untuk ditafsir secara literal.

Menurut Zaidi Ismail (2012), kualiti bahasa kini ditentukan oleh pengguna itu sendiri kerana media yang digunakan kini lebih bersifat peribadi. Dalam erti kata lain, kuasa penentuan penggunaan bahasa sama ada mematuhi peraturan linguistik yang tepat atau tidak bergantung sepenuhnya kepada pengguna itu sendiri. Kesannya, kebarangkalian kualiti bahasa yang digunakan dalam media sosial bercelaru sehingga menimbulkan kekeliruan berbahasa kerana amalan ini telah menjadi rutin dalam komunikasi harian. Komunikasi elektronik memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu yang tidak standard dan hal ini menyebabkan penggunaan bahasa yang tidak gramatis termasuklah singkatan perkataan semakin menebal. Kesalahan ejaan juga sangat mudah berlaku, namun sukar untuk dibetulkan kerana ketidakpastian ejaan yang betul bagi perkataan yang digunakan kerana sudah terbiasa menggunakan bahasa yang tidak tepat (Nazifah Hamidun et al. 2017). Jelas bahawa kebiasaan menggunakan bahasa yang salah akan mengugat pemahaman terhadap penggunaan bahasa Melayu yang tepat. Pengguna akan keliru cara mengeja, cara menulis mengikut nahu yang betul, malah akan menyebabkan banyak berlaku kesalahan morfologi, sintaksis bahkan semantik dalam konteks penulisan khususnya bagi pengguna bahasa yang masih berada di bangku sekolah.

Kekeliruan penggunaan bahasa ini juga memberikan kesan sampingan seperti kurangkemahiran menggunakan bahasa baku dalam situasi formal dan kemerosotan dalam kemahiran mengarang dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian Masitah Muhammadin, Rohaidah Kamaruddin dan Sharil Nizam Sha'ri (2018) telah memperlihatkan kesalahan ejaan melibatkan huruf vokal, iaitu pembuangan vokal seperti 'elektrik' dieja 'letrik' dan melanggar pola keselarasan vokal seperti 'ubat' dieja 'obat'. Begitu juga kajian Nazifah Hamidun et al. (2017) yang menyatakan bahawa kata e-mel kerap disalah eja sebagai "emel" dan "email" dalam penulisan dokumen rasmi. Masalah pengguguran huruf vokal dan kesalahan ejaan ini merupakan contoh berlakunya kekeliruan penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat dan pelajar. Sikap malas merupakan faktor ketara yang mendorong kepada masalah ini. Hal ini disokong oleh Nadzrah Abu Bakar, Norsimah Mat Awal dan Nor Hashimah Jalaluddin (2011) yang menyatakan bahawa sikap malas murid untuk menulis perkataan dengan lengkap dipengaruhi oleh gelombang globalisasi teknologi, misalnya cara penulisan pesan ringkas dalam aplikasi *WhatsApp*.

Menjejaskan Pencapaian Akademik Pelajar

Impak lain bagi masalah penguasaan bahasa melalui amalan penyingkatan kata dalam media sosial ialah pencapaian akademik pelajar terjejas. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pelajar sudah terbiasa dengan penggunaan ayat yang tidak betul dan tepat dalam komunikasi seharian. Masyarakat kini banyak meluahkan masa di alam maya. Oleh itu, sesetengah anggota masyarakat terutamanya golongan remaja dan pelajar mudah terpengaruh dengan penggunaan bahasa singkatan sehingga menjadi rutin kebiasaan kepada mereka. Sikap ini akan mempengaruhi kualiti penulisan mereka di sekolah terutama dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Rasionalnya, jika pelajar biasa menggunakan bahasa yang kerap digunakan dalam media sosial, mereka akan terbiasa menggunakan bahasa tersebut dalam penulisan dan hal ini akan menjejaskan pentaksiran disebabkan penggunaan bahasa yang tidak tepat. Keadaan ini jelas menunjukkan penggunaan bahasa yang tidak sesuai dalam media sosial boleh memberikan kesan negatif kepada pelajar.

Sistem pendidikan juga akan turut terkesan setelah mutu kualiti bahasa dalam kalangan pelajar semakin menurun dan tidak mustahil sekiranya mereka tidak dapat menguasai bahasa ibunda dengan baik dan tidak mengetahui bahasa baku dan perkataan yang sesuai digunakan untuk menyampaikan sesuatu perkara. Gamba (2004) dalam kajiannya mendapati bahawa guru-guru bimbang terhadap pesanan teks yang merosakkan bahasa Norwegian. Menurut kajian tentang sikap guru terhadap bahasa SMS yang dijalankan oleh seorang ahli sosiologi, Berit Skog, sekitar 50% daripada 221 guru yang menjadi responden menyatakan bahawa tindakan memendekkan perkataan bahasa Inggeris dalam teks pesanan amat mempengaruhi hasil penulisan pelajar. Jelas bahawa, pelajar dikatakan gemar menggunakan perkataan ringkas, ayat mudah dan perbendaharaan kata terhad. Keadaan ini akan terbawa-bawa semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) apabila pelajar terpengaruh dengan ejaan yang digunakan dalam bahasa teknologi digital. Jika perkara ini dibiarkan berlanjutan, pelajar akan beranggapan cara penulisan sedemikian dapat diterima dalam penulisan karangan sehingga menggalakkan penulisan secara sembrono. khasnya dalam penulisan formal. Keadaan ini secara tidak langsung akan menjejaskan prestasi akademik pelajar itu sendiri.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, tidak dinafikan bahawa penggunaan media sosial seperti aplikasi *Facebook* banyak membantu dalam komunikasi antara pengguna dan penerima untuk menyampaikan maklumat secara mudah, murah dan pantas. Melalui penggunaan yang betul, media sosial dapat menyumbang kepada perkembangan bahasa. Namun, setiap perkembangan turut disertai dengan risiko modenisasi yang tidak dapat dikawal. Kerancuan bahasa yang digunakan dalam medium teknologi tersebut seperti penyingkatan kata dalam berbahasa di media sosial merupakan salah satu masalah yang boleh menjejaskan aspek bahasa penutur. Bahasa singkatan dan ringkas digunakan secara meluas dan tanpa kawalan di internet seperti laman *Facebook* dan penggunaanya terdiri daripada semua lapisan masyarakat termasuklah golongan mudah. Jika perkara ini tidak dibendung, bahasa Melayu akan terus dicemari dengan unsur-unsur bahasa asing. Umumnya, pendidikan berkaitan penggunaan bahasa yang betul telah

disalurkan sama ada oleh pihak sekolah, guru, tenaga pengajar, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan sebagainya. Namun, permasalahan ini berbalik semula kepada pengguna media sosial itu sendiri. Mereka seharusnya sedar kesan yang akan berlaku jika isu pencemaran bahasa terus berlanjutan dan risikonya kepada generasi muda, kepada bahasa, bahkan kepada kemahiran berbahasa mereka sendiri. Oleh yang demikian, pengguna media sosial perlu mengambil maklum perkara ini dan meminimumkan penggunaan bahasa yang tidak tepat termasuklah bahasa singkatan ketika berkomunikasi. Pengguna juga harus bijak menggunakan bahasa yang betul mengikut konteks dan situasi supaya citra dan imej mereka dalam menggunakan bahasa yang betul dapat diteladani oleh semua pihak. Dari segi implikasi, kajian ini menetengahkan kepentingan menggunakan bahasa dengan betul, tepat dan gramatis bertujuan mempertahankan martabat bahasa Melayu, dan bagi mengelak kekeliruan dalam berbahasa daripada berterusan pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penulisan artikel ini, khususnya tenaga pengajar kursus Keterampilan Menulis. Terima kasih atas bimbingan ilmiah, rakan penyelidik atas kerjasama dan institusi yang memberi sokongan, pandangan, data dan bantuan secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses penyelidikan dan penulisan dijalankan.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian dan Siti Nur Aisyah Hassan. (2021). Kerancuan bahasa Melayu dalam media sosial: Analisis linguistik terhadap penulisan pengguna Facebook. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 45–58.
- Ainal Akmar Ahmad et al. (2016). Kesantunan bahasa semasa berkomunikasi di laman sosial. *International Conference on Government & Public Affairs 2016 (ICOGPA2016)*, 5–6 Oktober 2016, School of Government, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10–22.
- Chong Seck Chim. (2004). *All about texting, SMS, and MMS*. Diperoleh pada 15 Mac 2022 daripada https://www.textually.org/textually/archives/cat_do_you_speak_sms.htm
- Fatimah Akmal dan Ali Salman. (2015). Partisipasi politik belia secara ‘online’ melalui ruang demokrasi maklumat media baharu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 81–100.
- Fazren Amat Pandi. (2011). *Pencemaran bahasa dalam kalangan pelajar*. Diperoleh pada 21 Disember 2016 daripada <http://fazren91.blogspot.my/2011/11/pencemaranbahasa-dalam-kalangan.html>
- Frindah Selawati Pandiangan dan Mimi Rosadi. (2023). Analisis dialek dalam bentuk bahasa percakapan dalam Film “Imperfect” karya Meira Anastasia. *Journal of Educational Research and Humaniora (JERH)*, Vol. 1. No.3, 47-58.
- Gamba, R. (2004). *Digital media news for Europe*. Diperoleh pada 15 Mac 2022 daripada <https://www.dmeurope.com/default.asp?ArticleID=1862>
- Kalbin Salim. (2018). *Pengantar Kajian Kualitatif*. Diperoleh pada 22 Disember 2025 daripada https://www.researchgate.net/publication/328736941_Pengantar_Kajian_Kualitatif
- Masitah Muhammadin, Rohaidah Kamaruddin dan Sharil Nizam Sha’ri. (2018). Penggunaan bahasa Melayu pada papan nama premis perniagaan di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(1), 41–50.
- M. S. Nik Puteri Fatin Nor’ain dan Maslida Yusof. (2024). Bahasa singkatan dalam komunikasi di media sosial dalam kalangan Generasi Z. *Jurnal Linguistik*, Vol. 28(2), 75-89.
- Nadzrah Abu Bakar, Norsimah Mat Awal dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2011). Investigating Malay language writing proficiency level among upper secondary school students. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 11(2), 39–51.

- Nazifah Hamidun, et al. (2017). Workplace communication technology focusing on implementing accurate language in emails. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(4), 218–233.
- Nik Lah, et al. (2019). Media sosial dan impak kepada perkembangan bahasa menurut Islam. dalam K. A. Jasmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* (hlm. 195–210).
- Norazleen Mohd Nor et al. (2011). Media baharu dan demokrasi di Malaysia: Ke arah perpaduan nasional. *Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional*, Kuala Lumpur.
- Nor Azida Sabri et al. (2020). *The usage of English internet slang among Malaysians in social media. Selangor Humaniora Review*, 4(1), 15–29.
- Nur Azlina Jalaluddin dan Nurhasyinda Shahidan. (2017). Modenisasi bahasa di kalangan Gen Z. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Kali Ke-2*, 26–27 April, Selangor.
- Nurul Ain Alizuddin dan Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif. (2021). Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Melayu pelajar antarabangsa. *International Social Science and Humanities Journal*, 4(1), 113 -127.
- Peyona Mokhtar. (2025). Pengaruh Media Sosial terhadap Penguasaan Bahasa Melayu dalam Masyarakat. Diperoleh pada 23 Disember 2025 daripada <https://dewanbahasa.jendeladb.my/2025/05/31/18453/>
- Rozali Rejab. (2012). *Kerancuan bahasa Melayu baku pelajar Lundayeh*. Diperoleh pada 25 Januari 2022 daripada <http://cikgu-rozali.blogspot.com/2012/06/kerancuan-bahasa-melayu-baku-pelajar.html>
- Soo Ruey Shing. (2025). Textism in digital communication: Usage of internet slang in social media among bilingual Malaysian youths. *Malaysian Journal of Communication*, 41(1), 55–72.
- Tay Meng Guat. (2011). Analisis linguistik terhadap penggunaan bahasa SMS dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang*, 10, 1–26.
- Wan Amizah Wan Mahmud dan Muhammad Adnan Pitchan. (2017). Media baharu dan institusi raja di Malaysia: Kes penghinaan raja-raja di media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 406–422.
- Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 74–84.
- Yusriman. (2025). Interaksi sosial dalam era digital: Dampak teknologi terhadap hubungan manusia. *Jurnal Dinamika Sosial Dan Sains. Volume. 2 No.2*, 454-461.
- Zaidi Ismail. (2012). Bahasa Melayu dalam media baharu: Sejauh manakah diutamakan? *Dewan Bahasa*, Jun 2012. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah et al. (2019). Adakah teknologi digital menghalang kecekapan berkomunikasi antara generasi? *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 67–72.